

10 OCT 1997

ANGGOTA PAS DIMINTA TANGANI BERSAMA KEJATUHAN MATA WANG

RANTAU PANJANG, 10 Okt (Bernama) -- Para anggota PAS tidak harus bertepuk tangan dalam menghadapi krisis ekonomi yang melanda negara berikutan kejatuhan nilai ringgit dan memburuk-burukkan kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kejatuhan ringgit bukan menjadi tanggungjawab pemimpin negara sahaja malah ia menjadi tanggungjawab semua pihak kerana kita juga turut merasa kesannya," kata Timbalan Menteri Besar Kelantan Haji Abdul Halim Abdul Rahman.

Semasa merasmikan sambutan Hari Keluarga PAS Kawasan Rantau Panjang di sini hari ini, Abdul Halim menyifatkan kejatuhan nilai ringgit sebagai bala dan meminta segenap lapisan masyarakat bekerjasama menanganinya.

Beliau berkata selain itu kejatuhan nilai ringgit tidak seharusnya dijadikan alasan kepada sesiapa untuk mendesak Perdana Menteri berundur kerana ia boleh mendatangkan kesan yang lebih buruk kepada negara.

"Kalau orang lain menggantikan tempatnya, kemungkinan pula pada suatu hari kelak orang yang menggantikan tempatnya itu akan didesak untuk meletakkan jawatan," katanya.

Katanya pemimpin yang saling berganti tidak memberi apa-apa manfaat kepada kehidupan rakyat. -- BERNAMA

WM RON